



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MENU RAKYAT RM5.00 DISEDIAKAN OLEH USAHAWAN *FOOD TRUCK* WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 7 Februari 2018 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini melancarkan penjualan menu rakyat oleh usahawan *food truck* di Karnival *Food Truck* Hari Wilayah Persekutuan 2018. Sebanyak 20 usahawan *food truck* yang menyertai karnival ini menyahut seruan kerajaan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup warga kota dengan penjualan makanan dan minuman pada harga yang berpatutan. Setiap usahawan *food truck* menyediakan satu menu rakyat di dalam variasi makanan yang dijual oleh mereka dengan tawaran harga RM5.00.

Selain itu, YB Menteri Wilayah Persekutuan turut melancarkan penggunaan aplikasi VCash iaitu transaksi tanpa tunai bagi pembelian makanan dan minuman di *Food Truck*. 1,000 orang pertama yang memuat turun aplikasi VCash akan mendapat e-baucer bernilai RM6.00 pada setiap hari sehingga 13 Februari 2018. Dengan penggunaan aplikasi VCash ini para pengunjung boleh membeli makanan dan minuman tanpa tunai atau secara *cashless*.

Karnival *Food Truck* Hari Wilayah Persekutuan 2018 ini merupakan penganjuran kali kedua sejak 2017 yang diadakan di KL Sentral. Lokasi karnival kali ini adalah di parkir terbuka Mandarin Oriental Kuala Lumpur yang merupakan lokasi Forum Bandar Sedunia (WUF9). Para deligasi WUF9 ini secara tidak langsung dapat merasai pelbagai

jenis masakan citarasa Malaysia yang dijual oleh usahawan *food truck* Wilayah Persekutuan.

Pakej menu rakyat oleh usahawan *food truck* ini akan diteruskan di Wilayah Persekutuan yang dapat memberi manfaat kepada warga kota dari segi pilihan makanan dan minuman pada harga yang murah dan berpatutan. Antara lokasi penempatan *food truck* menu rakyat yang akan datang adalah di Menara DBKL 1, Menara DBKL 3 dan Menara Tabung Haji. Dengan adanya pakej menu rakyat di dalam variasi menu makanan yang dijual dapat menangkis persepsi negatif masyarakat yang mengatakan makanan yang dijual di *food truck* adalah mahal.

Disediakan oleh

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan